

SILAT

Ahmad Wardi ingin berlatih di Indonesia

19 APR 1988

B. Harian (M)

JUARA Dunia Kelas B, Ahmad Wardi Salim, berhasrat menjalani latihan silat di Indonesia jika ada pihak bersedia menaja pemergiannya, terutama Majlis Su-

kan Negara (MSN) atau Majlis Sukan Negeri Melaka (MSNM), lapor ISNIN AMAN. *19 APR 1988*

Ahmad Wardi yang ditemui semalam, percaya latihan di negara jiran itu dapat membantunya meningkatkan pencapaian dalam silat olahraga peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Hakikatnya, di sana ada ramai pesilat berkebolehan tinggi yang dapat membantu saya menambah pengetahuan dan ilmu persilatan bagi membolehkan saya mencatat kejayaan lebih gemilang lagi," katanya.

Pemenang pingat emas di Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur hujung tahun lalu yang setakat ini mendapat bimbingan beberapa guru silat di Melaka itu, tidak pernah menerima apa juga sumbangan daripada MSN.

Selain tidak menerima sumbangan dia juga tidak dicalonkan untuk anugerah 'Olahragawan Melaka 87'. Dia akan meneruskan latihan seperti biasa termasuk pada bulan puasa ini.

Ahmad Wardi memberitahu dia sentiasa berlari setiap petang bagi menjaga tahap kecergasan sebagai persiapan menghadapi kejohanan peringkat kebangsaan Ogos depan dan Sukan SEA akan datang.

"Saya akan berusaha mempertahankan kejuaraan peringkat kebangsaan dan membaiki kedudukan di Sukan SEA," katanya.

SEDIA PELAN INDUK SILAT

Pesaka akan bekerjasama

B. Minggu (M)

17 APR 1988

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan (Pesaka) akan bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam menyediakan pelan induk bagi memastikan silat boleh dikembangkan dengan pesat ke seluruh dunia dan di negara ini, lapor MOHD RAHIME YUSOF.

Untuk tujuan itu, kedua-dua pihak akan berusaha mengumpul semua maklum balas daripada perguruan silat, Majlis Silat Negeri, orang-orang perseorangan untuk mendapatkan pandangan berhubung cara perlaksanaan, latihan, kejurulatihan dan lain-lain.

Turut terbabit dalam usaha ini nanti ialah beberapa kementerian, Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia dan akhbar Berita Harian. *PEN:AK/1988*

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata sebuah Jawatankuasa Pembangunan Silat yang dibentuk dalam mesyuarat bulan lalu telah melantik Ketua Pengarah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Abdul Aziz Deraman, sebagai pengerusi.

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi melicinkan usaha ini.

"Saya percaya dengan siapnya pelan induk itu nanti, perancangan dalam menyalurkan silat ke luar negeri dan tempatan dapat dilakukan dengan lancar," katanya.

Sulaiman, yang juga pegawai di Kementerian Kebudayaan dan



■ AZIZ DERAMAN

Pelancongan, berkata kementerriannya berhasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat tumpuan bagi mereka yang ingin mendalami ilmu persilatan.

Katanya, Pesaka akan berbin-cang dengan empat pertubuhan silat bertaraf kebangsaan — Gayong Malaysia, Cekak, Gayong Fatani dan Lincah — bagi menetapkan pelbagai perkara berkaitan dengan perguruan silat.

Sementara itu, Pesaka mengucapkan tahniah kepada pesilat kebangsaan, Azam Haji Abas, yang dipilih sebagai Olahragawan Kelantan '87 minggu lalu.